

Penuhi kehendak industri

**Universiti MAHSA
sentiasa bergerak
seiringan dengan
teknologi terkini**

**MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI**

KUALA LANGAT

Universiti MAHSA merupakan institusi pendidikan utama di bawah MAHSA Group yang menawarkan pengalaman akademik unik di seluruh dunia memandangkan kekuatan dalam kepelbagaian rangkaian globalnya.

Naib Canselor MAHSA, Profesor Datuk Dr Ishak Abdul Razak berkata, Universiti MAHSA sentiasa bergerak maju dan mengambil petunjuk daripada

tuntutan industri.

"Pengalaman *Internationalization-at-Home* ini adalah penedahan yang hebat dalam menyediakan pelajar untuk memasuki tenaga kerja global.

"Melalui MAHSA360, ia unik kerana ekosistem yang direka khas memastikan setiap pelajar dipupuk dan disokong sepanjang perjalanan mereka dan memastikan setiap pelajar mempunyai peluang kejayaan yang saksama," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, dengan 66 program yang berbeza, pelajar mempunyai peluang untuk membangunkan kemahiran berkualiti sekaligus membuatkan mereka bersedia memasuki alam pekerjaan setelah tamat pengajian.

"MAHSA amat berbangga dengan alumni yang kebanyakannya telah menempa kejayaan

maya, MAHSA telah melabur dengan banyak dalam menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang canggih.

"MAHSA360 juga menggabungkan pembelajaran berasaskan kerja, mengintegrasikan kemahiran berharga keusahawanan, kecekapan sosial, kepimpinan, pengurusan dan kerja berpasukan dalam pengalaman akademik," katanya.

Katanya, MAHSA NextGen dan MAHSA Technologies merupakan anak syarikat Kumpulan MAHSA yang diketuai pakar-pakar teknologi terkemuka, menguruskan ekosistem ini menghubungkan pendidikan dan pekerjaan.

"Rancangan masa depan termasuk pembangunan Pusat Pakar Perubatan 200 dan MAHSA Hotel di Bandar Saujana Putra menjelang tahun 2023," katanya.



Universiti MAHSA menyediakan pelbagai peluang pengajian kepada pelajar.

dalam industri yang diceburi mereka.

"Pendidikan telah mengalami evolusi pesat kerana ia beralih dengan keperluan abad ke-21 dan strukturnya sendiri sesuai dengan potensi ekonomi

Industri 4.0," katanya.

Menurutnya, MAHSA bergerak maju dan mengambil petunjuk daripada tuntutan industri.

"Menggunkan kecerdasan dan teknologi pembelajaran